



HUBUNGAN ANTARA JANGKAAN FIZIK
DENGAN TAHAP PENCAPAIAN FIZIK
DALAM KALANGAN PELAJAR
TINGKATAN EMPAT DI
DAERAH BESUT



TUAN MUSTAQIM BIN TUAN RUSLAN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2024



HUBUNGAN ANTARA JANGKAAN FIZIK DENGAN TAHAP PENCAPAIAN
FIZIK DALAM KALANGAN PELAJAR TINGKATAN EMPAT DI DAERAH
BESUT

TUAN MUSTAQIM BIN TUAN RUSLAN

LAPORAN DISERTASI DIKEMUKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK
MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA MUDA PENDIDIKAN (FIZIK)

FAKULTI SAINS DAN MATEMATIK
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2024



PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Perakuan ini telah dibuat pada 15 Januari 2025

i. Perakuan pelajar :

Saya, Tuan Mustaqim Bin Tuan Ruslan dengan ini mengaku bahawa laporan projek penyelidikan tahun akhir bertajuk Hubungan Antara Jangkaan Fizik Dengan Tahap Pencapaian Fizik Dalam Kalangan Pelajar Tingkatan Empat Di Daerah Besut adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan se jelasnya dan secukupnya



Tagim

Tandatangan pelajar

ii. Perakuan Penyelia:

Saya, SHAHRUL KADRI BIN AYOP dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk Hubungan Antara Jangkaan Fizik Dengan Tahap Pencapaian Fizik Dalam Kalangan Pelajar Tingkatan Empat Di Daerah Besut dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Fakulti Sains dan Matematik bagi memenuhi sebahagian syarat untuk memperoleh Ijazah Sarjana Muda Pendidikan Fizik Dengan Kepujian.

15 Januari 2025

Tarikh

Shahrul Kadri Bin Ayop

Tandatangan Penyelia



PENGHARGAAN

Dengan nama Allah yang Maha Pengasih Lagi Maha Penyayang, daku panjatkan rasa kesyukuran ke hadratnya dengan penuh rasa keinsafan kerana memberikan diriku yang kerdil ini kudrat untuk menyempurnakan kajian ini dengan sebaik-baiknya. Pertama-tamanya saya ingin mengucapkan terima kasih yang tiada sempadannya kepada ibu bapa serta semua ahli keluarga saya yang banyak memberikan sokongan serta nasihat kepada saya dalam usaha untuk menyiapkan kajian ini. Terima kasih yang tidak terhingga juga saya tujukan buat penyelia saya iaitu Prof. Madya Ts. Dr. Shahrul Kadri bin Ayop atas kesungguhannya dalam memberikan bimbingan dan tunjuk ajar kepada saya. Akhir kata, di kesempatan ini, saya juga ingin merakamkan jutaan terima kasih kepada para pendidik, sahabat-sahabat serta insan-insan yang telah membantu saya secara langsung atau tidak langsung dalam menjayakan kajian ini.



ABSTRAK

Kajian ini bertujuan menentukan hubungan antara jangkaan Fizik dengan tahap pencapaian Fizik dalam kalangan pelajar Tingkatan 4 di Daerah Besut. Kajian ini mempunyai tiga objektif iaitu mengenal pasti jangkaan Fizik, mengenal pasti tahap pencapaian Fizik dan menentukan hubungan antara jangkaan Fizik dengan tahap pencapaian Fizik dalam kalangan pelajar Tingkatan 4 di Daerah Besut. Kajian ini menggunakan reka bentuk kajian kolerasi dengan pendekatan kuantitatif. Sampel kajian dipilih menggunakan teknik persempelan secara rawak mudah. Seramai 230 sampel yang dipilih terdiri daripada pelajar Tingkatan 4 yang mempelajari mata pelajaran Fizik di lima buah sekolah di Daerah Besut, Terengganu. Kajian ini menggunakan *Maryland Physics Expectations Survey* (MPEX). Data dianalisis menggunakan ujian statistik deskriptif untuk mendapatkan nilai min dan peratusan. Analisis statistik inferensi juga dijalankan bagi ujian korelasi bagi melihat hubungan antara jangkaan Fizik dengan tahap pencapaian Fizik. Hasil analisis deskriptif menunjukkan bahawa jangkaan Fizik berada pada tahap sederhana ($F = 37\%$) dan tahap pencapaian Fizik juga berada pada tahap sederhana. Kajian menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan antara jangkaan Fizik dengan tahap pencapaian Fizik ($r = 0.186$, $p = 0.005$). Kesimpulannya, jangkaan Fizik dan tahap pencapaian Fizik berada pada tahap sederhana dan hubungan antaranya adalah signifikan tetapi lemah.



THE RELATIONSHIP BETWEEN PHYSICS EXPECTATIONS AND PHYSICS ACHIEVEMENT AMONG FORM FOUR STUDENTS IN BESUT DISTRICT

ABSTRACT

This study aims to determine the relationship between Physics expectations and Physics achievement levels among Form 4 students in the Besut district. The study has three objectives: to identify Physics expectations, to identify Physics achievement levels, and to determine the relationship between Physics expectations and Physics achievement levels among Form 4 students in the Besut district. The study employs a correlational research design with a quantitative approach. The sample was selected using a simple random sampling technique, involving 230 Form 4 students studying Physics in five schools in the Besut district, Terengganu. The Maryland Physics Expectations Survey (MPEX) was utilized in this study. Data were analyzed using descriptive statistical tests to obtain mean scores and percentages. Inferential statistical analysis was also conducted, specifically correlation tests, to examine the relationship between Physics expectations and Physics achievement levels. Descriptive analysis results showed that Physics expectations were at a moderate level ($F = 37\%$), and Physics achievement levels were also at a moderate level. The study found a significant relationship between Physics expectations and Physics achievement levels ($r = 0.186$, $p = 0.005$). In conclusion, Physics expectations and achievement levels were found to be at a moderate level, and the relationship between them is significant but weak.

KANDUNGAN

Muka Surat

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN ii

PENGHARGAAN iii

ABSTRAK iv

ABSTRACT v

KANDUNGAN vi

SENARAI JADUAL x

SENARAI RAJAH xii

SENARAI SINGKATAN xiii

SENARAI LAMPIRAN xiv

BAB 1: PENGENALAN

1.1 Pengenalan 1

1.2 Latar Belakang Kajian 1

1.3 Pernyataan Masalah 3

1.4 Objektif Kajian 5

1.5 Persoalan Kajian 6

1.6 Hipotesis Kajian 6

1.7 Kepetingan Kajian 6

1.8 Kerangka Konsep 9

1.9 Defenisi Operasi 10

1.9.1 Jangkaan Fizik 10

1.9.2	Tahap Pencapaian Fizik	11
1.10	Batasan Kajian	11
1.11	Rumusan	12

BAB 2: TINJAUAN LITERATUR

2.1	Pengenalan	13
2.2	Teori Jangkaan	13
2.3	Jangkaan Fizik	15
2.4	Teori Pencapaian	22
2.5	Tahap Pencapaian Fizik	23
2.6	Hubungan Antara Jangkaan Fizik Dengan Tahap Pencapaian	
	Fizik	26

2.7	Rumusan	28
-----	---------	----

BAB 3: METODOLOGI

3.1	Pengenalan	29
3.2	Reka Bentuk Kajian	30
3.3	Populasi dan Sampel	30
3.4	Instrumen	33
3.5	Kesahan dan Kebolehpercayaan	36
3.5.1	Kesahan	36
3.3.2	Kebolehpercayaan	38
3.6	Kajian Rintis	39
3.7	Prosedur Pengumpulan Data	40

3.8	Kaedah/Teknik Menganalisis Data	43
3.8.1	Analisis Jangkaan Fizik	44
3.8.2	Analisis Tahap Pencapaian Fizik	45
3.8.3	Analisis Hubungan Jangkaan Fizik dengan Tahap Pencapaian Fizik dalam Kalangan Pelajar Tingkatan 4	46
3.9	Etika Penyelidikan	48
3.10	Rumusan	49

BAB 4: DAPATAN KAJIAN

4.1	Pendahuluan	50
4.2	Analisis Kesahan dan Kebolehpercayaan	51
4.3	Taburan Responden Kajian	55
4.4	Analisis Jangkaan Fizik	56
4.4.1	Dimensi Berdikari	58
4.4.2	Dimensi Koheren	58
4.4.3	Dimensi Konsep	58
4.4.4	Dimensi Perkaitan Sebenar	59
4.4.5	Dimensi Perkaitan Matematik	59
4.4.6	Dimensi Usaha	60
4.4.7	Dimensi Keseluruhan	60
4.4.8	Perbandingan Dapatan Kajian	60
4.5	Analisis Tahap Pencapaian Fizik	66
4.6	Analisis Hubungan Jangkaan Fizik dengan Tahap Pencapaian Fizik dalam Kalangan Pelajar Tingkatan 4	71

4.7	Rumusan	74
-----	---------	----

BAB 5: PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN

5.1	Pengenalan	75
5.2	Perbincangan	75
5.2.1	Jangkaan Fizik dalam Kalangan Pelajar Tingkatan 4 di Daerah Besut	76
5.2.2	Tahap Pencapaian Fizik Pelajar Tingkatan 4 di Sekolah-Sekolah Daerah Besut	80
5.2.3	Hubungan Antara Jangkaan Fizik dengan Tahap Pencapaian Fizik dalam Kalangan Pelajar Tingkatan 4 di Daerah Besut	82
5.3	Kesimpulan	83
5.4	Implikasi Kajian	84
5.5	Cadangan Kajian Lanjutan	87

RUJUKAN	88
----------------	----

LAMPIRAN	93
-----------------	----

SENARAI JADUAL

No. Rajah		Muka surat
3.1	Penentuan Saiz Sampel Krejcie dan Morgan (1970)	32
3.2	<i>Maryland Physics Expectations Survey</i> (MPEX)	34
3.3	Skala Linkert	34
3.4	Julat Gred Markah Menengah Atas	35
3.5	Bilangan Pakar dan Penerimaan Nilai CVI	38
3.6	Interpretasi skor <i>Alpha Cronbach</i>	39
3.7	Analisis Statistik berdasarkan Soalan Kajian	43
3.8	Tafsiran MPEX	44
3.9	Interpretasi Tahap Pencapaian Fizik	46
3.10	Tafsiran Nilai Pekali Korelasi Spearman (r)	47
3.11	Interpretasi Nilai Signifikan (p)	48
4.1	Analisis I-CVI dan S-CVI/Ave bagi Kesahan Muka Jangkaan Fizik	51
4.2	Analisis I-CVI dan S-CVI/Ave bagi Kesahan Kandungan Jangkaan Fizik	51
4.3	Analisis I-CVI dan S-CVI/Ave bagi Kesahan Muka Tahap Pencapaian Fizik	53
4.4	Analisis I-CVI dan S-CVI/Ave bagi Kesahan Kandungan Tahap Pencapaian Fizik	54

4.5	Dapatan Nilai Pekali <i>Alpha Cronbach</i> Berdasarkan Kajian Rintis	54
4.6	Taburan responden mengikut sekolah	55
4.7	Taburan responden mengikut jantina	56
4.8	Tafsiran MPEX	57
4.9	Perbandingan empirikal berdasarkan rujukan	61
4.10	Notasi yang mewakili setiap dimensi MPEX	62
4.11	Perbandingan Dapatan Kajian MPEX	63
4.12	Tahap Pencapaian Fizik Pelajar di Sekolah-Sekolah Daerah Besut	67
4.13	Tahap Pencapaian Fizik Pelajar di Sekolah-Sekolah Daerah Besut dalam Peratus	68
4.14	Hubungan antara jangkaan Fizik dengan tahap pencapaian Fizik pelajar di Daerah Besut	72
4.15	Hubungan antara jangkaan Fizik dengan tahap pencapaian Fizik mengikut sekolah	73

**SENARAI RAJAH**

No. Rajah		Muka surat
1.1	Kerangka konsep kajian	9
2.1	Teori Jangkaan Vroom	14
2.2	Faktor-faktor sikap	16
2.3	Faktor-faktor keyakinan dan hubungannya dengan sikap	17
2.4	Kesan masyarakat positif terhadap Fizik	19
2.5	Dimensi jangkaan	20
2.6	Faktor-faktor teori pencapaian	22
3.1	Kedudukan Daerah Besut dalam Negeri Terengganu di Pantai Timur Semenanjung Malaysia	31
3.2	Prosedur Pengumpulan Data	42
4.1	Perbandingan Dapatan Kajian MPEX	64
4.2	Graf Tahap Pencapaian Fizik Pelajar di Sekolah-Sekolah Daerah Besut	67
4.3	Carta Pai Tahap Pencapaian Fizik Pelajar di Sekolah-Sekolah Daerah Besut	68





SENARAI SINGKATAN

KPM	: Kementerian Pendidikan Malaysia
MPEX	: Tinjauan Jangkaan Fizik Maryland (<i>Maryland Physics Expectations Survey</i>)
PdP	: Pengajaran dan Pembelajaran
STEM	: Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (<i>Science Technology Engineering and Mathematics</i>)
IKK	: Indeks Kesahan Kandungan
CVI	: Indeks Kesahan Kandungan (<i>Content Validation Indeks</i>)
I - CVI	: Indeks Kesahan Kandungan Item (<i>Item Content Validation Indeks</i>)
S - CVI	: Jumlah Indeks Kesahan Kandungan (<i>Sum of Content Validation Indeks</i>)
EPRD	: Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan
JPN	: Jabatan Pendidikan Negeri
SPSS	: <i>Statistical Package for Social Science</i>





SENARAI LAMPIRAN

LAMPIRAN A	Surat Kebenaran Menjalankan Penyelidikan
LAMPIRAN B	Borang Soal Selidik
LAMPIRAN C	Hasil Analisis Data daripada Perisian SPSS
LAMPIRAN D	Borang Kesahan Pakar



BAB 1

PENGENALAN

Bab ini akan menerangkan tentang latar belakang kajian, pernyataan masalah, objektif kajian, persoalan kajian, hipotesis kajian, kepentingan kajian, kerangka konsep, definisi operasi kajian dan batasan kajian. Secara keseluruhannya, bab ini akan memberi gambaran awal tentang keseluruhan kajian ini.

1.2 Latar Belakang Kajian

Sejak tahun 1967, Malaysia telah komited untuk memperkasa kurikulum berteraskan sains dengan matlamat melibatkan 60% pelajar sekolah menengah dalam aliran sains. Usaha ini bertujuan meningkatkan penguasaan mereka dalam Sains dan Teknologi,



sejajar dengan aspirasi negara untuk mencapai status negara maju (Abdullah et al., 2014; Khamis & Phang, 2021). Menurut Khamis dan Phang (2021), sasaran peratusan tersebut masih belum berhasil dicapai dan terdapat kekhuatiran bahawa angka sedia ada mungkin akan terus menurun.

Di samping itu, bidang sains sangat penting dalam membantu Malaysia mencapai kemajuan negara. Kebanyakan negara maju sangat mementingkan sains kerana ia dianggap sebagai nadi negara mereka. Namun, masih ramai rakyat Malaysia yang tidak menyedari bahawa sains merupakan salah satu tonggak utama kemajuan negara, dan kebanyakan pelajar sekolah tidak memilih jurusan sains. Pelajar mungkin tidak berminat untuk mempelajari mata pelajaran berkaitan sains. Pelajar lebih meminati mata pelajaran sastera kerana menganggap mata pelajaran sains, terutama Fizik, sebagai mata pelajaran yang sukar (Khamis & Phang, 2021; Osman & Halim, 2007; Sulaiman & Abdullah, 2005). Selain itu, sains menawarkan sangat sedikit peluang pekerjaan dan menyebabkan kekurangan penyertaan pelajar dalam bidang ini (Khamis & Phang, 2021; Osman & Halim, 2007).

Selain itu, pelajar mempunyai sikap negatif dan menganggap Fizik sebagai mata pelajaran yang sukar. Hal ini disokong berdasarkan kajian yang telah dilakukan oleh penyelidik yang lepas, pelajar melihat Fizik sebagai mata pelajaran yang mencabar dan sebagai satu masalah. Mereka juga menganggap kandungan Fizik sebagai fakta semata-mata dan terdiri daripada formula yang perlu dihafal, menyebabkan mereka mempunyai sikap negatif terhadap mata pelajaran tersebut (Mbonyiryivuze et al., 2021).





Prestasi akademik pelajar dalam mata pelajaran Fizik berada pada tahap yang membimbangkan. Hal ini kerana kajian mendapati bahawa pelajar bergelut untuk memahami konsep Fizik dan menyelesaikan masalah yang berkaitan Fizik (Kanyesigye et al., 2022). Selain itu, jangkaan pelajar yang menganggap Fizik merupakan mata pelajaran yang sukar menyebabkan kurangnya semangat dan minat untuk mempelajarinya. Keadaan ini menjejaskan tahap penguasaan konsep Fizik. Guru dan penyelidik yang berjaya meningkatkan sikap dan kepercayaan pelajar terhadap Fizik akan membantu mereka mempelajari kandungan Fizik dengan lebih baik serta mengembangkan keupayaan untuk berfikir seperti ahli fizik (Madsen et al., 2020).

Oleh itu, kajian ini dilakukan untuk menentukan hubungan antara jangkaan Fizik dan tahap pencapaian Fizik. Kajian yang dilakukan ini adalah sebagai usaha untuk menyemai jangkaan positif terhadap mata pelajaran Fizik.

1.3 Pernyataan Masalah

Sehingga kini, banyak kajian masih dilakukan untuk mengenal pasti faktor kegagalan pencapaian nisbah 60:40 dalam dasar sains: sastera (Akpinar et al., 2009; Khamis & Phang, 2021; Osman & Halim, 2007; Sharma et al., 2013). Oleh kerana dasar ini belum diraih, hasrat Malaysia untuk menjadi negara maju masih sukar dicapai. Kedua-dua pihak, iaitu murid dan guru bersetuju bahawa proses mengajar dan belajar sains seperti mata pelajaran Fizik mungkin mencabar. Sesetengah guru menyatakan bahawa sesetengah pelajar kurang menyerlah pencapaiannya dalam Fizik kerana berputus asa dan kurang minat terhadap topik Fizik. Sikap negatif pelajar terhadap Fizik disebabkan



oleh pandangan mereka bahawa mata pelajaran ini sukar, tidak menarik, membosankan dan abstrak (Mbonyiryivuze et al., 2021). Hal ini dibuktikan oleh kajian lepas yang mengatakan bahawa faktor dalaman dan luaran mempengaruhi prestasi akademik dalam fizik (APP) (Panergayo, 2023).

Selain itu, jangkaan mempengaruhi sikap seseorang dan kesan sikap terhadap pencapaian Fizik boleh menjadi positif atau negatif bergantung kepada pelajar (Assem et al., 2023). Pelajar dengan kadar keberkesanan diri yang lebih tinggi dilaporkan lebih cenderung untuk terlibat dalam pembelajaran yang diminati berbanding pelajar dengan keberkesanan diri yang lebih rendah, mereka lebih cenderung untuk terlibat dalam pengalaman atau pembelajaran yang berbeza daripada pelajar lain (Gutzweiler et al., 2022). Pelajar akan mengalami kesulitan memahami konsep Fizik yang diajar dan dijelaskan oleh guru jika mereka tidak memiliki minat yang mendalam terhadap mata pelajaran tersebut. Oleh itu, penting untuk memberi penekanan pada persepsi pelajar terhadap Fizik, kerana hal ini akan mempengaruhi hasil pembelajaran mereka.

Justeru, kajian ini bertujuan untuk menentukan hubungan jangkaan Fizik dengan tahap pencapaian Fizik dalam kalangan pelajar Tingkatan 4 di Daerah Besut. Menurut Jabatan Pendidikan Negeri Terengganu (2023), pencapaian SPM mata pelajaran Fizik di Besut menunjukkan peningkatan dengan peratusan lulus meningkat dari 75% pada tahun 2022 kepada 85% pada tahun 2023 dan jumlah pelajar mendapat gred A+ bertambah dari 10 kepada 15 orang. Daerah Besut dipilih untuk dijalankan penyelidikan kerana kejayaan mata pelajaran Fizik dalam SPM telah menunjukkan peningkatan yang ketara sejak beberapa tahun yang lepas. Kejayaan yang dicapai oleh pelajar dan usaha kolaboratif guru, pelajar, ibu bapa, dan komuniti di Besut



memberikan peluang yang baik untuk difahami dan diaplikasikan strategi-strategi pendidikan. Kajian ini berhipotesis bahawa salah satu faktor tersebut adalah jangkaan pelajar terhadap pencapaian mereka sendiri dalam subjek tersebut. Jangkaan positif mungkin menggalakkan motivasi dan usaha yang lebih tinggi, seterusnya meningkatkan pencapaian akademik. Oleh itu, kajian ini akan menyelidiki hubungan antara jangkaan Fizik dan tahap pencapaian Fizik, untuk memahami sejauh mana jangkaan ini berkait dengan keputusan akademik. Selain itu, tujuan kajian ini adalah untuk membantu pelajar dalam memahami serta membentuk sikap positif terhadap mata pelajaran Fizik. Guru Fizik dapat menggunakan hasil kajian ini sebagai panduan untuk meningkatkan pengajaran mereka, menjadikan pembelajaran Fizik lebih menarik dan mengurangkan tekanan terhadap pelajar. Kajian ini diharap dapat meningkatkan pemahaman dan penguasaan pelajar terhadap Fizik serta melihat adakah jangkaan pelajar mempunyai jangkaan Fizik yang sepadan dengan komuniti Fizik.

1.4 Objektif Kajian

Objektif kajian ini ialah untuk

- i. Mengenal pasti jangkaan fizik dalam kalangan pelajar Tingkatan 4 di Daerah Besut.
- ii. Mengenal pasti tahap pencapaian Fizik pelajar Tingkatan 4 di Daerah Besut.
- iii. Menentukan hubungan antara jangkaan fizik pelajar dengan tahap pencapaian Fizik dalam kalangan pelajar Tingkatan 4 di Daerah Besut.



1.5 Persoalan Kajian

- i. Adakah pelajar Tingkatan 4 di Daerah Besut mempunyai jangkaan fizik yang sepadan dengan komuniti fizik?
- ii. Adakah pelajar Tingkatan 4 di Daerah Besut mempunyai tahap pencapaian Fizik yang baik?
- iii. Adakah terdapat hubungan yang signifikan antara jangkaan fizik dengan tahap pencapaian Fizik dalam kalangan pelajar Tingkatan 4 di Daerah Besut?

1.6 Hipotesis Kajian

H_0 : Tidak terdapat hubungan yang signifikan secara statistik antara jangkaan fizik dengan tahap pencapaian Fizik dalam kalangan pelajar Tingkatan 4 di Daerah Besut.

1.7 Kepentingan Kajian

(i) Kepada Penyelidik

Penyelidik dapat memahami secara mendalam bagaimana jangkaan Fizik mempunyai hubungan atau tidak dengan tahap pencapaian Fizik dalam kalangan pelajar. Melalui analisis hubungan ini, penyelidik dapat mengenal pasti faktor-faktor psikologi dan pedagogi yang mempengaruhi prestasi pelajar, serta mengenal pasti strategi yang efektif untuk meningkatkan pencapaian akademik. Hasil kajian

ini dapat memberi panduan dalam merancang pengajaran yang lebih berkesan dan menyokong pembentukan sikap positif terhadap Fizik. Selain itu, kajian ini juga berpotensi menyumbang kepada literatur pendidikan, khususnya dalam konteks pendidikan sains di Malaysia, dan dapat diaplikasikan untuk meningkatkan kualiti pendidikan di kawasan lain.

(ii) Kepada Guru

Guru boleh merancang intervensi awal untuk meningkatkan keberkesanan penyampaian bagi membuat persediaan menghadapi SPM setahun kemudian. Melalui penyelidikan ini, guru dapat mengenali kelemahan pelajar, mengubah kaedah pengajaran, membangunkan program tambahan, dan mereka boleh memberi inspirasi kepada pelajar. Selain itu, guru juga boleh melibatkan ibu bapa dalam peningkatan markah anak-anak mereka. Guru juga dapat melakukan penilaian yang lebih tepat, dan membantu pelajar menetapkan matlamat yang realistik. Dengan pendekatan holistik ini, guru dapat memastikan perkembangan menyeluruh pelajar dalam mata pelajaran Fizik, baik dari segi pencapaian akademik mahupun kemahiran berfikir kritis.

Kajian ini memberikan kepentingan kepada guru untuk mengkaji sama ada terdapat hubungan antara jangkaan Fizik dan tahap pencapaian Fizik. Hasil kajian ini akan menjadi sumber rujukan bagi guru-guru sekolah yang terlibat dalam penyelidikan ini. Jika terdapat hubungan antara jangkaan Fizik dan tahap pencapaian Fizik, guru-guru perlu berusaha untuk memupuk jangkaan yang positif dalam kalangan pelajar. Dengan ringkasnya, kajian ini bertujuan menjadi panduan

bagi guru dalam meningkatkan prestasi akademik dalam bidang fizik. Jika keputusan menunjukkan bahawa tidak terdapat hubungan yang signifikan antara jangkaan Fizik dan tahap pencapaian Fizik, ia juga memberikan maklumat penting kepada guru-guru di sekolah.

(iii) Kepada Pelajar

Pelajar boleh menanda aras jangkaan Fizik dengan tahap pencapaian Fizik di awal pembelajaran. Dengan memahami hubungan ini, pelajar dapat mengenali faedah dan kelemahan mereka dalam subjek dan memudahkan mereka dalam mewujudkan matlamat yang realistik dan jelas. Kajian ini juga mencadangkan strategi yang boleh pelajar gunakan untuk meningkatkan keberkesanan kaedah belajar mereka, termasuk menghabiskan lebih banyak masa pada topik yang sukar atau meminta bantuan pelajar lain. Selain itu, pelajar boleh meningkatkan semangat dan keyakinan diri mereka apabila mereka melihat peningkatan yang konsisten dalam usaha yang telah mereka lakukan. Dengan pengetahuan yang diperoleh daripada penyiasatan ini, pelajar juga boleh meningkatkan kebolehan pengurusan masa mereka, serta menggunakan sumber pembelajaran dengan lebih berkesan dalam mengejar kejayaan akademik yang lebih tinggi dalam Fizik.


Kajian ini bertujuan untuk memperdalam pemahaman tentang hubungan antara jangkaan Fizik dan tahap pencapaian Fizik dalam kalangan pelajar Tingkatan 4. Selain itu, kajian ini secara tidak langsung memberikan penekanan kepada kepentingan pelajar. Contohnya, ia menjadi rujukan bagi guru untuk meningkatkan kaedah pengajaran di sekolah dan memberikan manfaat kepada pelajar melalui

peningkatan pengajaran oleh guru Fizik. Kegunaan kajian ini kepada pelajar bergantung kepada minat guru terhadap hasil kajian ini.

1.8 Kerangka Konsep

Kerangka konsep berfungsi sebagai rasional mengapa suatu kajian perlu dilakukan (Varpio et al., 2020). Kajian ini melibatkan dua pembolehubah iaitu jangkaan Fizik dan tahap pencapaian Fizik. Memandangkan kedua-dua pembolehubah tersebut diukur dan hubungan antara mereka dinilai secara statistik, kaedah yang sesuai digunakan adalah mencari nilai korelasi menggunakan ujian korelasi Spearman. (**Rajah 1.1**). Merujuk kepada **Rajah 1.1** menunjukkan dua pemboleh ubah yang akan dicerap iaitu jangkaan

Fizik dan tahap pencapaian Fizik.



Rajah 1.1: Kerangka konsep kajian

Harapan akademik pelajar memiliki peranan yang signifikan dalam pencapaian akademik mereka (Díez-Palomar et al., 2020). Kajian menunjukkan adanya hubungan langsung antara jangkaan pelajar, motivasi mereka, dan kejayaan akademik. Teori interaksi simbolik menegaskan bahawa imej diri yang positif dan motivasi yang tinggi berkait rapat dengan kejayaan akademik.

1.9 Definisi Operasi

Definisi operasi ini adalah bertujuan untuk mentakrifkan pemboleh ubah yang dicerap dalam kajian ini. Bagi memastikan pemboleh ubah dapat diproses secara analisis kuantitatif, maka semua pemboleh ubah yang diperhatikan didefinisikan seperti berikut:

1.9.1 Jangkaan Fizik

Dalam konteks akademik, jangkaan boleh didefinisikan sebagai keadaan psikologi atau kepercayaan mengenai kemungkinan berlakunya suatu peristiwa berdasarkan pengalaman terdahulu, pengetahuan, dan keadaan semasa (Hayat et al., 2020). Konsep ini adalah teras kepada pelbagai teori motivasi dalam pendidikan yang berusaha menjelaskan bagaimana jangkaan mempengaruhi tingkah laku dan pencapaian pelajar. Sebagai contoh, menurut teori nilai dan jangkaan, motivasi dan prestasi pelajar didorong oleh jangkaan mereka terhadap kejayaan dan nilai yang mereka letakkan kepada pencapaian hasil pendidikan tersebut.

Dalam kajian ini jangkaan Fizik merujuk kepada maklum balas pelajar melalui borang soal selidik pada bahagian B (Rujuk Lampiran) iaitu mengkaji jangkaan Fizik yang dialih bahasa daripada *Maryland Physics Expectation Survey* (MPEX) (Redish et al., 1998). MPEX mengandungi lima skala perkadaran untuk menandakan tahap jangkaan Fizik. Jangkaan Fizik yang positif memberi maksud pandangan responden terhadap fizik yang selaras dengan pandangan ahli komuniti fizik.

1.9.2 Tahap Pencapaian Fizik

Tahap pencapaian akademik dapat ditafsirkan sebagai ukuran sejauh mana seseorang telah mencapai matlamat tertentu yang menjadi fokus aktiviti dalam konteks pendidikan, seperti sekolah, sekolah menengah, kolej, atau universiti (Quílez-Robres et al., 2021). Pencapaian ini biasanya digunakan untuk mengukur kejayaan pendidikan jangka pendek dan jangka panjang pelajar, guru, atau institusi pendidikan.

Kajian ini memfokuskan tahap pencapaian Fizik. Tahap pencapaian Fizik diukur berdasarkan gred pelajar dan markah daripada peperiksaan pertengahan tahun di Tingkatan 4 yang telah dijawab oleh pelajar dan ditanda oleh guru. Gred ini adalah berdasarkan julat markah yang ditentukan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia.

1.10 Batasan Kajian

Untuk memastikan kajian yang terperinci dan komprehensif, pengkaji menetapkan beberapa batasan dalam kajian ini. Penyelidikan ini hanya memfokuskan pada jangkaan Fizik dan pencapaian pelajar dalam mata pelajaran tersebut. Dalam bahagian tahap pencapaian Fizik pula, tahap pencapaian dinilai berdasarkan markah peperiksaan pertengahan tahun Tingkatan 4 yang dijawab oleh pelajar dan dinilai oleh guru mereka. Tahap pencapaian mungkin berbeza dalam aspek tahap, jenis, komprehensif, dan standard antara sekolah. Namun begitu, kajian ini mengandaikan bahawa aras kesukaran peperiksaan pertengahan tahun tersebut adalah setara bagi semua sekolah

yang terlibat. Kajian ini hanya melibatkan pelajar Tingkatan 4 yang mengambil mata pelajaran Fizik di Daerah Besut, Terengganu. Hasil yang diperoleh tidak bertujuan untuk digeneralisasikan ke peringkat kebangsaan. Di samping itu, ketepatan maklumat yang diperoleh bergantung kepada kejujuran responden soal selidik. Pandangan daripada pelajar Tingkatan 4 tahun 2024 akan digunakan untuk mendapatkan perspektif langsung mengenai jangkaan Fizik. Ini diharapkan dapat memperkaya analisis dan memberikan konteks tambahan dalam memahami bagaimana jangkaan Fizik berkait dengan tahap pencapaian Fizik. Dengan memasukkan pandangan pelajar, kajian ini dapat memberikan gambaran yang lebih holistik dan relevan mengenai faktor-faktor yang mempengaruhi pencapaian akademik mereka.

1.11 Rumusan

Dalam bab ini pengkaji telah menyatakan rasional kajian ini dilaksanakan. Pengkaji juga telah mengeluarkan objektif dan persoalan kajian telah dibentuk dari masalah kajian dan hipotesis null telah dibentuk untuk diuji. Kepentingan, kerangka konsep dan sumbangan kajian juga telah dinyatakan. Bab ini diakhiri dengan definisi istilah.